



**KENYATAAN MEDIA BERSAMA YB KHAIRY JAMALUDDIN DAN YAB DATO' SERI AMIRUDIN SHARI
BERHUBUNG USAHA MEMPERCEPATKAN VAKSINASI DI SELANGOR**

Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Amirudin Shari dan Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK), Khairy Jamaluddin telah mengadakan satu mesyuarat Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF) Peringkat Negeri Selangor di Bangunan Annex, Dewan Negeri Selangor tengah hari tadi.

CITF Persekutuan dan CITF Negeri bersetuju untuk terus menumpukan usaha vaksinasi buat golongan rentan seperti warga emas, Orang Kurang Upaya (OKU) dan golongan komorbid tanpa mengetepikan kepentingan warga lain. Untuk makluman, pelaksanaan PICK Negeri Selangor Fasa 2 untuk warga emas telah pun mencapai 88% daripada keseluruhan warga emas yang berdaftar. Memandangkan masih ada warga yang belum berdaftar, usaha-usaha jangkau luar (outreach) oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor sedang giat dilaksanakan.

Selain golongan komorbid, usaha vaksinasi turut tidak mengesampingkan para petugas di sektor industri dan perkilangan memandangkan peningkatan kes serta kluster yang konsisten di tempat kerja di Selangor, yang turut dapat diperhatikan di Negeri Sembilan dan Johor.

Oleh itu, CITF Persekutuan turut mengalui-alukan inisiatif Kerajaan Negeri Selangor melalui Selangor COVID-19 Vaccination Programme (SCVP) sebagai pelengkap kepada PICK. Di bawah Fasa 4 PICK iaitu fasa Kawalan Wabak, adalah penting untuk kita memastikan perlindungan buat para pekerja di sektor industri agar perjalanan ekonomi negara tidak tergendala. Ini juga bagi memastikan para petugas dalam sektor industri dapat meneruskan pekerjaan serta menyara kehidupan mereka dan keluarga.

Dengan itu, kedua-dua pihak iaitu CITF Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor telah menyatakan komitmen untuk bersama-sama mempermudah dan menambah bilangan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di negeri ini. Selain itu, mesyuarat turut bersetuju untuk memperkemas dan menambah tenaga kerja serta sukarelawan bagi memastikan kelancaran pengoperasian PPV yang akan dibuka nanti dengan kerjasama Selgate Healthcare Sdn. Bhd. dan ProtectHealth Corporation Sdn. Bhd. Turut akan ditambah adalah unit PPV bergerak (mobile unit) bagi membantu mempercepat proses imunisasi.

Ini adalah bagi memenuhi sasaran untuk Selangor mencapai sebanyak 135,000 kadar vaksinasi harian menjelang Julai, seterusnya meningkat kepada 165,000 imunisasi sehari menjelang Ogos.

Bersama-sama dengan program PICK Fasa 4 atau juga disebut sebagai Program Imunisasi Industri COVID-19 Kerjasama Awam Swasta (PIKAS) bawah kelolaan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, kerjasama ini merupakan suatu bukti tuntas kesepaduan usaha antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Semoga usaha-usaha ini akan mempercepatkan usaha mencapai imuniti kelompok dan mengeluarkan kita daripada gelombang wabak COVID-19.

15 Jun 2021

YB KHAIRY JAMALUDDIN

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi
Merangkap Penyelaras Program
Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK)

YAB DATO' SERI AMIRUDIN SHARI

Dato' Menteri Besar Selangor
Merangkap Pengurus CIIF Negeri
Selangor